

PERNYATAAN DASAR PEMERDAGANGAN MANUSIA PERHAMBAAAN MODEN

Kelly Services Inc., serta semua subsidiarinya (secara kolektif disebut "Kelly"), menegaskan dasar tidak bertolak ansur terhadap pemerdagangan manusia dan perhambaan. Aktiviti-aktiviti ini merupakan jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia yang utama. Ada pelbagai rupa aktiviti ini, termasuk perhambaan, pengabdian, buruh paksa dan diwajibkan, serta pemerdagangan manusia. Kesemuanya bercirikan hal yang sama iaitu kebebasan seseorang itu dinafikan oleh orang lain untuk dieksploitasi bagi keuntungan peribadi atau komersial.

Kami bertekad untuk melaksanakan dan menguatkuasakan pelbagai dasar dan kawalan agar pemerdagangan manusia dan perhambaan tidak berlaku dalam urusan perniagaan kami atau di tahap manapun sepanjang rantai bekalan kami. Dasar ini mencakup, namun tidak terbatas pada, aktiviti berkaitan pemerdagangan yang berikut:

- Terlibat dalam apa jua bentuk pemerdagangan manusia, dengan mengatur atau melicinkan perjalanan orang demi untuk mengeksploitasi mereka;
- Menyediakan aktiviti seks komersial dalam melaksanakan apa jua pekerjaan;
- Menggunakan buruh paksa dalam melakukan sesuatu pekerjaan, atau memaksa orang melakukan kerja atau aktiviti dengan ancaman hukuman;
- Memusnahkan, menyembunyikan, merampas, atau dengan cara lain melarang pekerja mengakses dokumen pengenalan atau imigresen miliknya, seperti pasport atau lesen memandu, tidak kira siapa pihak berkuasa pengeluarnya;
- Menggunakan amalan yang mengelirukan atau menipu semasa merekrut calon/pekerja atau menawarkan pekerjaan;
- Menggunakan ejen perekrut pekerja yang tidak mematuhi undang-undang buruh setempat di negara pengambilan pekerja;
- Mengenakan bayaran merekrut terhadap pemohon/calon/pekerja;
- Tidak menyediakan pengangkutan pulang atau membayar kos pengangkutan pulang di akhir tempoh pekerjaan, bagi pekerja bukan warga negara di tempat pekerjaan dilakukan, dan melarang pemerdagangan orang yang dibawa masuk ke negara itu untuk mengerjakan kontrak Kerajaan Amerika Syarikat atau subkontraknya (bagi sebahagian kontrak yang dilakukan di luar Amerika Syarikat), kecuali pekerja itu dibenarkan di sisi undang-undang untuk tetap berada di negara pekerjaan itu dan memilih untuk berbuat begitu, atau jika agensi yang berkenaan mengecualikan syarat ini;
- Tidak menyediakan pengangkutan pulang atau membayar kos pengangkutan pulang di akhir tempoh pekerjaan, bagi pekerja bukan warga Amerika Syarikat yang dibawa ke Amerika Syarikat untuk mengerjakan kontrak Kerajaan Amerika Syarikat atau subkontraknya, jika pembayaran kos sedemikian diwajibkan dalam program pekerja sementara yang sedia ada atau sejajar dengan perjanjian bertulis dengan pekerja itu (bagi sebahagian kontrak yang dilakukan di dalam Amerika Syarikat), kecuali pekerja itu dibenarkan di sisi undang-undang untuk tetap berada di negara pekerjaan itu dan memilih untuk berbuat begitu, atau jika agensi yang berkenaan mengecualikan syarat ini;
- Menyediakan atau mengaturkan tempat perumahan yang tidak memenuhi piawai perumahan dan keselamatan negara tuan rumah; dan
- Jika diwajibkan di sisi undang-undang atau kontrak, tidak menyediakan kontrak pekerjaan, perjanjian perekrutan, atau dokumen kerja diwajibkan lain, secara bertulis dan dalam bahasa yang difahami pekerja.

Kelly melarang pekerjaanya, subkontraktor, vendor, pembekal, dan rakan kongsi perniagaan lain terlibat dalam apa jua bentuk pemerdagangan manusia atau perhambaan moden. Kami telah menyampaikan garis panduan khusus tentang pelbagai tindakan yang boleh dianggap pemerdagangan manusia dan perhambaan.

Kelly melarang perbuatan balas dendam terhadap sesiapa yang mengemukakan aduan atau melaporkan pelanggaran yang disyaki terhadap dasar ini. Tata Laku Perniagaan dan Etika, Dasar Hak Asasi Manusia, serta

Pernyataan Dasar Kemampanan Korporat Kelly turut menyokong komitmen ini. Selain itu, kami melindungi golongan bawah umur dengan Dasar Pengambilan Pekerja Bawah Umur kami serta pelbagai proses sokongan yang berkenaan. Kelly mensejajarkan dasarnya dengan Tata Laku Persekutuan Penggajian Sedunia dan berbangga menandatangani Prinsip Pembimbing Kesepakatan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kami menghendaki kewaspadaan yang sama daripada pembekal, seperti yang dinyatakan dalam Tata Laku Pembekal kami, yang sejajar dengan Tata Laku Persekutuan Penggajian Sedunia.

Pegangan dan Komitmen

Penyataan ini dibuat bagi pihak Kelly Services, Inc. dan subsidiarinya (secara kolektif disebut "Kelly"), menurut seksyen 54(1) Akta Perhambaan Moden 2015, dan merupakan pernyataan anti-pemerdagangan manusia dan perhambaan moden kami bagi tahun kewangan yang berakhir pada 29 Disember 2024 ("Tempoh Pelaporan"). Laporan kami tidak meliputi syarikat subsidiari yang telah kami jual atau dengan cara lain kami lupuskan dalam Tempoh Pelaporan. Namun, kami melaksanakan tindakan dan pendekatan umum yang sama seperti yang diterangkan dalam laporan kami terhadap syarikat-syarikat ini dalam Tempoh Pelaporan sebelum penjualan atau pelupusan tersebut.

Perhambaan moden terhadap orang, termasuk kanak-kanak, melalui eksploitasi oleh sektor swasta dan buruh paksa adalah perbuatan yang kami tidak boleh terima.

Kami percaya ketelusan yang lebih tinggi, pengawasan yang lebih sempurna, pematuhan yang teliti, serta kekangan dan imbalan lain adalah cara yang perlu dan berkesan untuk memastikan perlindungan hak asasi manusia di seluruh dunia. Kami mengiktiraf ketelusan yang diwajibkan oleh Akta Perhambaan Moden UK dan menyokong Prinsip Pembimbing Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, serta kewajipan *'know and show'* (tahu dan tunjukkan) bahawa kami berusaha menghormati semua hak asasi manusia.

Memandangkan kalangan pekerja, pelanggan, pembekal dan rakan kongsi kami tersebar ke seluruh dunia, kami mengiktiraf bahawa amalan perniagaan dan pertanggungjawaban awam kami juga menjangkau ke seluruh dunia. Di Kelly, kami berbangga dengan impak positif yang kami bawakan kepada komuniti kami dan advokasi kami untuk kualiti kerja yang lebih baik. Seperti yang dinyatakan dalam *Noble Purpose* (Tujuan Mulia) kami, kami bertekad untuk menghubungkan orang ramai dengan pekerjaan dengan pelbagai cara yang memperkaya kehidupan mereka.

Kami juga bertekad untuk memenuhi tanggungjawab menghormati dan melindungi integriti dan maruah manusia dengan membongkar tingkah laku menganiaya dan menghentikan apa-apa tingkah laku sedemikian dalam urusan perniagaan, rantai bekalan dan mana-mana bidang kami yang lain yang boleh terjejas oleh urusan kami. Ini terutamanya berkenaan komitmen kami untuk mengenal pasti, memitigasi dan menghapuskan perhambaan moden; iaitu, pemerdagangan manusia dan buruh paksa.

Perniagaan, Struktur dan Rantai Bekalan Kami

Sebagai pemimpin industri dalam menyediakan pelbagai penyelesaian tenaga kerja untuk berbagai rupa pelanggan tempatan, serantau dan sedunia, Kelly (Nasdaq: KELYA, KELYB) dan subsidiarinya menawarkan deretan perkhidmatan sumber luar dan konsultan yang komprehensif, serta khidmat perjawatan bertaraf dunia bagi pekerjaan sementara, sementara kemudian tetap, dan pengambilan pekerja langsung.

Model operasi Kelly terdiri daripada empat segmen wajib lapor yang berfokus pada khidmat berasaskan hasil dan perjawatan khusus Amerika Utara, Pembekal Khidmat Terurus (MSP) sedunia, dan pelbagai penyelesaian Sumber Luar Proses Pengambilan Pekerja (RPO). Segmen perniagaan kami ialah Profesional dan Perindustrian; Sains, Kejuruteraan dan Teknologi; Pendidikan, serta Kumpulan Sumber Luar dan Konsultan. Setiap satunya beroperasi di bawah seorang Presiden Unit Perniagaan.

Urusan perniagaan MSP, RPO dan pembekal khidmat fungsian Kelly mengekalkan kemampuan sedunia di rantau Amerika Utara, Asia Pasifik, Eropah, Timur Tengah dan Afrika. Pada bulan Januari 2024, Kelly menyempurnakan

penjualan operasi perjawatan EMEA kami. Kemudian, pada Jun 2024 kami muktamadkan penjualan Kumpulan Ayers.

Kelly menggaji secara langsung lebih 5,600 orang dan lebih daripada 400,000 bakat sementara di sekeliling dunia, selain berperanan menghubungkan ribuan lagi bakat dengan pekerjaan melalui rangkaian pembekal dan rakan kongsi bakat kami di serata dunia. Rantai bekalan kami terdiri daripada rangkaian pembekal dan rakan kongsi yang menyediakan kakitangan bagi melaksanakan pelbagai perkhidmatan untuk pelanggan kami, serta pembekal barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh Kelly dalam melaksanakan operasi.

Sebagai pembekal penyelesaian bakat, Kelly membeli atau memajak pelbagai aset seperti ruang pejabat, peralatan dan bekalan pejabat, perkakasan dan perisian komputer, perkhidmatan data, perbelanjaan merekrut pekerja seperti papan pekerjaan, periklanan, khidmat penyaringan, serta perbelanjaan perjalanan perniagaan termasuk tambang penerbangan, penginapan, dan makan minum.

Penilaian, Pencegahan dan Mitigasi Risiko

Kelly mengakui risiko berlakunya buruh paksa dalam rantai bekalan sedunia dan memahami terdapat bahagian-bahagian dalam perniagaan dan rantai bekalan kami yang berisiko lebih tinggi mengalami perhambaan moden.

Kelly telah menentukan, buat masa ini, risiko tertinggi berdasarkan fungsi dan geografi terletak dalam operasi APAC kami, manakala EMEA dinilai mengalami risiko sederhana. Dalam fungsi urusan perniagaan kami, bidang risiko yang utama itu membekalkan pekerja untuk sektor pemasangan elektronik, pertanian, pengilangan dan hiburan.

Kami tetap menggunakan data sedunia daripada sumber ternama bagi memahami risiko berkaitan dengan sejauh mana orang ramai mendapat hak politik, serta risiko rasuah di negara yang kami mungkin membekalkan bakat secara langsung atau melalui rantai bekalan kami.

Tindakan

Kelly mengambil tindakan berikut untuk memastikan perhambaan dan pemerdagangan manusia tidak berlaku dalam urusan perniagaan atau rantai bekalan kami:

Perniagaan Kami

- Dasar Hak Asasi Manusia Sedunia
- Proses mengabsahkan tarikh lahir dalam sistem penjejakan pemohon
- Pembangunan KPI yang dijejak setiap tahun dan dilaporkan kepada ramai:
 - % Pengakuan Tata Laku Perniagaan dan Etika
 - 2024: 99.8% pengakuan
 - % Pengakuan Tata Laku Pembekal
 - 2024: 99% pengakuan
 - % Pengakuan Kenyataan Dasar Tentang Pemerdagangan Manusia dan Perhambaan
 - 2024: 99.8% pengakuan
- Audit dalaman di cawangan tentang pematuhan terhadap arahan kerja dan prosedur suai diri pekerja baharu, yang termasuk langkah-langkah pengabsahan, seperti hak untuk bekerja dan kontrak pekerjaan, jika berkenaan, atau pendaftaran aktiviti pematuhan lain di lokasi tempatan.
- Talian penting integriti pihak ketiga yang diuruskan secara bebas bagi pekerja, pelanggan dan pembekal melaporkan kebimbangan secara sulit dan tanpa nama. Kami menggalakkan semua individu yang berkaitan dengan Kelly untuk melaporkan apa jua tingkah laku tidak beretika atau tidak selamat melalui Program Pelaporan Tata Laku Perniagaan dan Etika Kelly Services di nombor telefon 1.877.978.0049 atau kellyservices.ethicspoint.com tanpa takut tindakan balas dendam.
- Sistem pengurusan insiden Kelly memastikan setiap kebimbangan disiasat oleh pasukan profesional yang khusus ditugaskan untuk mendapatkan bukti-bukti kejadian dan mengenal pasti serta melaksanakan langkah pemulihan yang bersesuaian. Aktiviti pembetulan termasuk amaran didokumenkan,

penggantungan khidmat, atau pemberhentian pembekal daripada rantai bekalan Kelly, laporan kepada pihak berkuasa tempatan, dan sokongan bagi individu yang terjejas oleh tingkah laku atau keadaan yang tidak boleh diterima, jika berkenaan.

- Selain siasatan dan tindakan serta-merta, demi ketelusan dan tadbir urus, tuntutan yang terbukti dan lebih berat akan dilaporkan kepada fungsi Pengurusan Risiko Kelly Enterprise, serta Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kelly.

Rantai Bekalan Kami:

- Kelly mempunyai fungsi Pematuhan dan Pentadbiran Pembekal yang ditetapkan sebagai penyaring antara Kelly dengan hampir 3,400 pembekal aktif kami di seluruh dunia.
- Tata Laku Pembekal menetapkan piawai yang telah disetujui oleh rangkaian pembekal sedunia kami untuk diterima pakai dalam menyediakan suasana kerja yang selamat, memastikan kehormatan dan maruah pekerja, serta mematuhi Prinsip Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Pengurusan Etika Perniagaan dan Profesional. Dalam prosedur suai diri bagi menjadi pembekal diluluskan, semua pembekal mesti membaca, menerima dan mematuhi Tata Laku Pembekal.
 - Sebagai lanjutan daripada komitmen kami terhadap pematuhan dan pengurusan pembekal, teknologi baharu yang dilaksanakan pada awal 2024 tidak membenarkan pembekal beralih ke status diluluskan sepenuhnya tanpa tandatangan menyetujui Tata Laku Pembekal.
- Kelly bekerjasama dengan pelanggannya, menyokong rangka kerja atau metodologi tambahan yang bertekad untuk menegakkan hak dan kesejahteraan pekerja dan komuniti di seluruh dunia yang terjejas oleh rantai bekalan sedunia. Ini mungkin termasuk audit berasaskan bukti dan pendidikan pembekal supaya mereka dapat mewujudkan dasar yang berkenaan dan menilai risiko dalam organisasi mereka.
- Kelly menjalankan audit pematuhan berkala terhadap pembekal, termasuk mewajibkan mereka berkongsi dasar Tata Laku mereka dengan Kelly supaya dapat disemak.

Latihan


Kelly melaksanakan aktiviti latihan dan pembinaan kapasiti berkaitan pemerdagangan manusia dan perhambaan moden berikut:

- Semua pekerja baharu menerima penerangan tentang perhambaan moden dalam proses suai diri mereka untuk bekerja dengan Kelly.
- Semua pekerja dikehendaki membaca dan mengakui dasar dan kenyataan kami setiap tahun yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia dan perhambaan.
- Komunikasi dalaman sedunia memberi pendidikan tentang perhambaan moden dan dasar tidak tolak ansur kami, termasuk langkah-langkah melaporkan penganiayaan.
- Pembangunan amalan melaporkan risiko ke peringkat atas dan amalan penilaian dalam fungsi pematuhan kami.

Penilaian Keberkesanan dan Harapan Masa Hadapan

Kedudukan Kelly terus berkembang, dan begitu juga pendekatan keseluruhan kami bagi menguruskan pematuhan terhadap Akta ini. Kelly akan sentiasa menyemak petunjuk-petunjuk berikut untuk menilai keberkesanan langkah-langkah yang kami ambil:

- Peratus lengkapnya pengakuan menerima dasar dan Tata Laku kami
- Lengkapnya pengakuan menerima Tata Laku Pembekal
- Peratus kakitangan pembekal yang tertakluk pada audit
- Laporan insiden perhambaan moden yang mungkin telah terjadi
- Seterusnya, Kelly mengiktiraf keperluan untuk terus memperkukuh penilaian risiko dan tadbir urus dalam rantai bekalan kami. Hal ini melibatkan pemeriksaan teliti tentang cara kami mensejajarkan kerja kami dengan pelanggan dan pembekal serta menggunakan wawasan berasaskan data bagi menilai dan memantau impak di seluruh rantai bekalan.



Peter Quigley, Presiden dan CEO Kelly
Diluluskan oleh Lembaga Pengarah: 7 Mei 2025